

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld.4 ( 82 )

28 April 2026  
10 Zulkaedah 1447

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 19/2026

### **PENSTRUKTURAN SEMULA INSTITUSI PENGANGKUTAN LESTARI ATAU INSTITUTE FOR SUSTAINABLE TRANSPORT (IST) PASCA PENARAFAN SEBAGAI PUSAT KECEMERLANGAN PENDIDIKAN TINGGI (HICoE)**

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 142 bertarikh 6 Mac 2026 telah bersetuju meluluskan cadangan penstrukturan semula Institusi Pengangkutan Lestari atau *Institute for Sustainable Transport (IST)* pasca penarafan sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HICoE) berkuat kuasa pada 1 Mei 2026.

2. IST telah diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sebagai HICoE pada tahun 2024 yang memerlukan penyelarasan semula struktur, fungsi dan fokus Institut bagi memenuhi keperluan peranan baharu tersebut. IST telah menetapkan fokus penyelidikan kepada bidang *Hydrogen Internal Combustion Engine for Decarbonizing Diesel Vehicle*.

3. Oleh itu, pihak Universiti telah meluluskan cadangan ini seperti yang berikut:

- i. Penjumudan Pusat Pembangunan Automotif (ADC) dan Pusat Pengangkutan Karbon Rendah (LoCARTic) ke dalam IST sebagai entiti tunggal;
- ii. Pusat Teknologi Marin (MTC) dan Pusat Penyelidikan Aeronautik (UTM Aerolab) dipindahkan di bawah tadbir urus Penyelidikan Bersekutu Inovasi Terkehadapan (Innovative Engineering Research Alliance) sebagai Pusat Kecemerlangan (CoE); dan
- iii. Penjumudan dua (2) jawatan Pengarah iaitu Pengarah *UTM Centre for Low Carbon Transport In Cooperation with Imperial College London (LoCARTic)* dan Pengarah *Automotive Development Centre (ADC)* selaras dengan penstrukturan ini.

4. Penstrukturan semula ini dilaksanakan bagi memperkukuhkan identiti IST sebagai HICoE, menyelaraskan kepakaran penyelidik, mengoptimumkan penggunaan sumber manusia dan fizikal, mempertingkatkan keberkesanan pengurusan projek penyelidikan dan perundingan, serta memberi impak kewangan minimum kepada Universiti. Selain itu, IST turut melaksanakan kaedah pengoptimuman sumber sedia ada tanpa peruntukan tambahan dengan mengekalkan jumlah staf sedia ada.

5. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta mengambil maklum mengenai perkara ini.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(DATO' DR. MOHD SHARIL BIN ABDULLAH)  
Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
  - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Ketua Kampus UTM Cawangan Kuala Lumpur
  - Ketua Kampus UTM Cawangan Pagoh
  - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah